

08/01/2002

Nik Aziz sedia saksi hukuman gantung jika PM minta maaf

KOTA BHARU, Isnin - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sedia menyaksikan pelaksanaan hukuman gantung terhadap ketua kumpulan Al-Ma'unah, Mohd Amin Mohd Razali dengan syarat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf terhadap beberapa peristiwa, termasuk insiden Memali.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, beliau bersedia menerima pelawaan Perdana Menteri menyaksikan pelaksanaan hukuman itu jika Dr Mahathir memohon maaf terlebih dahulu.

Katanya, sebagai ketua kerajaan, Dr Mahathir perlu meminta maaf kejadian Memali yang menyebabkan 18 orang, termasuk empat polis, terkorban pada 19 November 1985.

"Dia (Dr Mahathir) kata Pas salah semua dan tidak mohon maaf. Saya nak soal dia balik, berapa kali dia minta maaf mengenai peristiwa Memali... bunuh manusia...adakah dia pernah minta maaf kepada keluarga mangsa dan masyarakat.

"Dia juga pernahkah minta maaf kerana menuduh Datuk Seri Anwar Ibrahim (bekas Timbalan Perdana Menteri) pukul sendiri mata sedangkan mahkamah sabitkan Tan Sri Rahim Noor yang pukul (bekas Ketua Polis Negara).

"Pernahkah dia minta maaf kerana memaksa orang ramai mendengar radio, menonton televisyen dan membaca surat khabar (kerajaan) saja dan tak beri peluang orang lain bagi second opinion (pandangan kedua).

"Semua ini dia kena minta maaf pada dunia. Minta maaf dulu, lepas tu tak mengapalah... saya pergilah (menyaksikan penggantungan Mohd Amin)," katanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, di sini hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata tiada gunanya mendesak Pas meminta maaf terhadap kesalahannya kerana pemimpin parti itu tidak pernah mahu mengaku salah.

Walaupun melemparkan segala bentuk fitnah dan pembohongan, Perdana Menteri berkata, pemimpin Pas tidak pernah meminta maaf kepada sesiapa sekalipun terbukti mereka bersalah.

Mengenai pendiriannya terhadap kes Al-Ma'unah, Nik Abdul Aziz menegaskan beliau tidak menghiraukan perbincangan kes itu atau membaca keputusan mengenainya.

"Sandiwara atau bukan, terserahlah. Saya tak peduli pun Al-Ma'unah (kerana) mereka bukan penyokong Pas. Biar dia (Dr Mahathir) minta maaf dulu kepada rakyat dan biar dia mengaku dia juga salah. Lepas tu, tak mengapalah," katanya.

Di MARANG, Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengulangi pendirian parti itu bahawa kejadian di Sauk, sebagai sandiwara dan tidak akan meminta maaf.

Menteri Besar Terengganu itu juga mendakwa, perbincangan 19 anggota kumpulan Al-Ma'unah bersifat politik dan dipengaruhi politik.

"Kita tidak tahu sejauh mana kes jenayah dan bukti pembunuhan disabitkan dengan peristiwa yang berlaku. Dalam politik banyak sandiwara. Sebagaimana di Jerman, Hitler sanggup membakar pejabat parti komunis sehingga membabitkan kematian," katanya pada majlis sambutan Hari Raya Muslimat Pas Marang.

(END)